KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

DOKUMEN STANDARD PRESTASI

DUNIA MUZIK

TAHUN 2

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

PENDAHULUAN

Dokumen Standard Prestasi bagi mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina sebagai panduan untuk guru menambahbaik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan oleh kurikulum mata pelajaran ini.

Adalah diharapkan dokumen ini dapat memberi maklumat yang lengkap dan tepat kepada guru tentang hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan tentang pembinaan modal insan yang berteraskan kepada pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

TAFSIRAN

- **Band** ialah satu label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu.

- **Standard** ialah satu pernyataan tentang sesuatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberi gambaran holistik tentang individu.

- **Standard Prestasi** ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan di mana kedudukan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (band). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran.

- **Deskriptor** ialah pernyataan yang menerangkan apa yang murid tahu dan boleh buat berdasarkan standard di mana kualiti boleh ditaksir dan dicapai.

- **Evidens**

  Murid : Pernyataan yang menerangkan tentang bagaimana murid melaksanakan apa yang dia tahu dan boleh buat berdasarkan deskriptor.

  Instrumen : Bahan atau apa-apa bentuk bukti yang dapat ditunjukkan oleh murid yang melaksanakan sesuatu tugasan dalam bentuk produk atau proses seperti foto, grafik, artifak, laporan dan lain-lain.

- **Instrumen** ialah alat yang digunakan untuk menguji penguasaan atau pencapaian murid bagi sesuatu domain seperti ujian bertulis, ujian secara lisan, demonstrasi, ujian amali.

KERANGKA STANDARD PRESTASI

BAND	STANDARD
1	Tahu
2	Tahu dan Faham
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali

TAFSIRAN BAND

BAND	PERNYATAAN BAND	TAFSIRAN
1	TAHU	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	TAHU DAN FAHAM	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB TERPUJI	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baru, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB MITHALI	Murid mampu menzahirkan idea yang kreatif dan inovatif, mempunyai keupayaan membuat keputusan untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran dalam kehidupan seharian serta boleh berbicara untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila dan menjadi contoh secara tekal.

MATLAMAT KURIKULUM DUNIA MUZIK

Kurikulum Dunia Muzik sekolah rendah bermatlamat untuk membina potensi diri murid ke arah melahirkan insan kreatif yang menghayati dan menikmati muzik secara intelektual menerusi aktiviti muzikal.

OBJEKTIF KURIKULUM DUNIA MUZIK

Kurikulum Dunia Muzik bertujuan untuk membolehkan murid mencapai standard pembelajaran berikut:

1. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman muzik menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan permainan alat muzik.
2. Mengaplikasi pengetahuan membaca notasi muzik dalam aktiviti muzikal.
3. Menghasilkan idea muzikal kreatif menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan bermain alat muzik.
4. Membaca dan menulis notasi muzik.
5. Menghargai pelbagai jenis muzik dengan menyatakan secara lisan dari aspek muzikal karya muzik yang didengar.
6. Mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzikal.

OBJEKTIF KURIKULUM DUNIA MUZIK TAHUN 2

Kurikulum Dunia Muzik Tahun 2 bertujuan untuk membolehkan murid mencapai standard pembelajaran berikut:

1. Menyanyi lagu dengan pic, ton suara dan dinamik yang sesuai serta sebutan dan pernafasan yang betul mengikut tempo.
2. Memainkan perkusi dengan dinamik yang sesuai mengikut tempo.
3. Memberi respon terhadap muzik yang didengar menerusi pergerakan berdasarkan dinamik, pic, tempo, bunyi panjang dan pendek, mud serta lirik.
4. Menghasilkan pelbagai bunyi, corak irama dan melodi menerusi aktiviti muzikal.
5. Mengenal pasti warna ton daripada muzik vokal dan instrumental yang didengar.
6. Mengenal pasti mud, tempo, tekstur dan dinamik daripada muzik yang didengar

BAND	PERNYATAAN STANDARD
1	Mengetahui asas muzik dan nilai sahsiah
2	Mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang elemen muzik serta menerapkan nilai sahsiah
3	Menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal serta mempunyai nilai sahsiah
4	Menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal dengan betul serta mengamalkan nilai sahsiah
5	Menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal dengan betul dan tepat serta menjadi murid contoh kepada yang lain dan berketrampilan dalam nilai sahsiah
6	Menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikannya secara kreatif dalam aktiviti muzikal serta menjadi contoh dan boleh menunjuk cara dengan betul dan tepat serta berkeperibadian mulia dalam nilai sahsiah

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
1 **Tahu**	**B1** Mengetahui asas muzik dan nilai sahsiah	**B1D1** **(Pengetahuan dan Kefahaman Muzik)** Mengenal pasti elemen muzik	**B1D1E1** Mengenal pasti tempo cepat dan lambat **B1D1E2** Mengenal pasti pic rendah dan pic tinggi **B1D1E3** Mengenal pasti detik **B1D1E4** Mengenal pasti dinamik kuat dan lembut **B1D1E5** Mengenal pasti tekstur nipis dan tebal **B1D1E6** Mengenal pasti mud sedih, riang dan takut **B1D1E7** Mengenal pasti warna ton suara dan perkusi **B1D1E8** Menyatakan bunyi detik panjang dan pendek

		B1D2 **(Sahsiah)** Menghayati 1 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin	**B1D2E1** Menunjukkan penghayatan 1 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
2 **Tahu dan Faham**	**B2** Mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang elemen muzik serta menerapkan nilai sahsiah	**B2D1** **(Pengetahuan dan Kefahaman Muzik)** Mengenal pasti dan menerangkan elemen muzik	**B2D1E1** Mengenal pasti dinamik kuat dan lembut **B2D1E2** Mengecam bunyi pic tinggi, rendah dan pic tengah **B2D1E3** Mengenal pasti warna ton suara dan perkusi **B2D1E4** Melakarkan grafik menunjukkan tempo cepat dan lambat **B2D1E5** Mengenal pasti detik panjang dan pendek **B2D1E6** Membezakan ton suara
		B2D2 **(Sahsiah)** Menghayati 2 hingga 3 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin	**B2D2E1** Menunjukkan penghayatan 2 hingga 3 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
3 **Tahu, Faham dan Boleh Buat**	**B3** Menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal serta mempunyai nilai sahsiah	**B3D1** **(Pengetahuan dan Kefahaman Muzik)** Memberi respon kepada elemen muzik	**B3D1E1** Mengenal pasti mud sedih, riang dan takut **B3D1E2** Mengenal pasti tekstur nipis dan tebal **B3D1E3** Mengenal pasti dinamik kuat dan lembut **B3D1E4** Mengecam bunyi pic tinggi, rendah dan pic tengah **B3D1E5** Mengenal pasti warna ton suara dan perkusi **B3D1E6** Melakarkan grafik menunjukkan tempo cepat dan lambat **B3D1E7** Mengenal pasti detik panjang dan pendek **B3D1E8** Membezakan ton suara

		B3D2 **(Kemahiran Muzik)** Menunjuk cara nyanyian dan permainan alat perkusi	**B3D2E1** Bermain perkusi mengikut detik **B3D2E2** Bermain alat perkusi dengan dinamik **B3D2E3** Bermain perkusi atau menyanyi dinamik kuat dan lembut **B3D2E4** Menyebut lirik dengan jelas **B3D2E5** Bernafas dengan betul pada frasa lagu yang ditetapkan **B3D2E6** Menyanyikan pic tinggi, rendah dan pic tengah
		B3D3 **(Sahsiah)** Menghayati 4 hingga 5 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin	**B3D3E1** Menunjukkan penghayatan 4 hingga 5 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
4 **Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab**	**B4** Menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal dengan betul serta mengamalkan nilai sahsiah	**B4D1** **(Pengetahuan dan Kefahaman Muzik)** Memberi respon kepada elemen muzik dengan betul	**B4D1E1** Mengenal pasti mud sedih, riang dan takut **B4D1E2** Mengenal pasti tekstur nipis dan tebal **B4D1E3** Mengenal pasti dinamik kuat dan lembut **B4D1E4** Mengecam bunyi pic tinggi, rendah dan pic tengah **B4D1E5** Mengenal pasti warna ton suara dan perkusi **B4D1E6** Melakarkan grafik menunjukkan tempo cepat dan lambat **B4D1E7** Mengenal pasti bunyi detik panjang dan pendek **B4D1E8** Membezakan ton suara

		B4D2 **(Kemahiran Muzik)** Menunjuk cara nyanyian dan permainan alat perkusi dengan betul	**B4D2E1** Bermain perkusi mengikut detik **B4D2E2** Bermain alat perkusi dengan dinamik **B4D2E3** Bermain perkusi atau menyanyi dinamik kuat dan lembut **B4D2E4** Menyebut lirik dengan jelas **B4D2E5** Bernafas dengan betul pada frasa lagu yang ditetapkan **B4D2E6** Menyanyi bunyi pic tinggi, rendah dan pic tengah
		B4D3 **(Sahsiah)** Menghayati 6 hingga 7 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin	**B4D3E1** Menunjukkan penghayatan 6 hingga 7 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
5 **Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji**	**B5** Menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal dengan betul dan tepat serta menjadi murid contoh kepada yang lain dan berketrampilan dalam nilai sahsiah	**B5D1** **(Pengetahuan dan Kefahaman Muzik)** Memberi respon kepada semua elemen muzik dengan betul dan tepat	**B5D1E1** Mengenal pasti mud sedih, riang dan takut **B5D1E2** Mengenal pasti tekstur nipis dan tebal **B5D1E3** Mengenal pasti dinamik kuat dan lembut **B5D1E4** Mengecam bunyi pic tinggi, rendah dan pic tengah **B5D1E5** Mengenal pasti warna ton suara dan perkusi **B5D1E6** Melakarkan grafik menunjukkan tempo cepat dan lambat **B5D1E7** Mengenal pasti bunyi detik panjang dan pendek **B5D1E8** Membezakan ton suara

		B5D2 **(Kemahiran Muzik)** Menunjuk cara nyanyian dan permainan alat perkusi dengan betul	**B5D2E1** Bermain perkusi mengikut detik **B5D2E2** Bermain alat perkusi dengan dinamik **B5D2E3** Bermain perkusi atau menyanyi dinamik kuat dan lembut **B5D2E4** Menyebut lirik dengan jelas **B5D2E5** Bernafas dengan betul pada frasa lagu yang ditetapkan **B5D2E6** Menyanyi bunyi pic tinggi, rendah dan pic tengah
		B5D3 **(Sahsiah)** Menghayati 8 hingga 9 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin	**B5D3E1** Menunjukkan penghayatan 8 hingga 9 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
6 **Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali**	**B6** Menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikannya secara kreatif dalam aktiviti muzikal serta menjadi contoh dan boleh menunjuk cara dengan betul dan tepat serta berkeperibadian mulia dalam nilai sahsiah	**B6D1** **(Pengetahuan dan Kefahaman Muzik)** Memberi respon kepada semua elemen muzik secara kreatif dengan betul dan tepat	**B6D1E1** Mengenal pasti mud sedih, riang dan takut **B6D1E2** Mengenal pasti tekstur nipis dan tebal **B6D1E3** Mengenal pasti dinamik kuat dan lembut **B6D1E4** Mengecam bunyi pic tinggi, rendah dan pic tengah **B6D1E5** Mengenal pasti warna ton suara dan perkusi **B6D1E6** Melakarkan grafik menunjukkan tempo cepat dan lambat **B6D1E7** Mengenal pasti bunyi detik panjang dan pendek **B6D1E8** Membezakan ton suara

		B6D2 **(Kemahiran Muzik)** Menunjuk cara nyanyian dan permainan alat perkusi secara kreatif dengan betul dan tepat kepada rakan yang lain	**B6D2E1** Bermain perkusi mengikut detik **B6D2E2** Bermain alat perkusi dengan dinamik **B6D2E3** Bermain perkusi atau menyanyi dinamik kuat dan lembut **B6D2E4** Menyebut lirik dengan jelas **B6D2E5** Bernafas dengan betul pada frasa lagu yang ditetapkan **B6D2E6** Menyanyi bunyi pic tinggi, rendah dan pic tengah
		B6D3 **(Kreativiti)** Menunjukkan kreativiti di dalam aktiviti muzikal.	**B6D3E1** Mencipta melodi So dan Mi. **B6D3E2** Menghasilkan pelbagai bunyi menggunakan perkusi badan atau mulut **B6D3E3** Mencipta dan memainkan corak irama

		B6D4 **(Sahsiah)** Menghayati 10 hingga 12 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin	**B6D4E1** Menunjukkan penghayatan 10 hingga 12 nilai daripada nilai-nilai berikut: jujur, rajin, bersyukur, kerjasama, kasih sayang, bertolak ansur, hormat menghormati, menyanjung budaya, menghargai alam sekitar, tolong menolong, kebersihan dan berdisiplin